

**MANHAJ PENULISAN HADITH SECARA  
*MAWDŪ’Ī* OLEH AL-SUYŪTĪ DALAM *AL-  
LUM’AH FĪ KHAŞĀ’İŞ YAWM AL-JUMU’AH***

**MOHD NOR ADZHAR BIN IBRAHIM**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2022**

**MANHAJ PENULISAN HADITH SECARA  
MAWDŪ‘Ī OLEH AL-SUYŪTĪ DALAM AL-  
LUM‘AH FĪ KHAŞĀ’İŞ YAWM AL-JUMU‘AH**

oleh

**MOHD NOR ADZHAR BIN IBRAHIM**

Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah

**Jun 2022**

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji yang tertentu milik Allah SWT, Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda, para sahabat RA, *tābi’īn, tābi’ al-tābi’īn* serta semua yang mengikuti jejak langkah perjuangan mereka hingga ke hari kiamat. Setinggi-tinggi ucapan syukur dipanjangkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, penulisan tesis ini berjaya disiapkan. Jutaan penghargaan dikalungkan kepada penyelia, Dr. Roshimah Shamsudin yang sama sekali tidak pernah jemu memberikan segala bentuk bantuan, tunjuk ajar, curahan ilmu dan motivasi sepanjang proses penyelidikan ini berjalan. Penghargaan juga ditujukan khusus buat semua pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), Universiti Sains Malaysia (USM) yang turut memberikan tunjuk ajar, bantuan dan nasihat. Tidak dilupakan, ucapan penghargaan juga diberikan kepada semua staf pentadbiran PPIK, Institut Pengajian Siswazah (IPS) dan perpustakaan USM yang sentiasa menghulurkan bantuan dan memudahkan segala urusan sepanjang penyelidikan ini berlangsung.

Kejayaan yang sangat manis ini juga tidak bermakna tanpa sokongan, dokongan, doa dan restu daripada semua ahli keluarga tersayang. Kiriman al-Fatihah buat *al-marhūm* abah dan ayahanda. Penghargaan teristimewa buat emak tersayang, Akhai binti Mohd Nazri yang melahir dan membesar, memberikan didikan, sokongan yang tidak berbelah bahagi dan titipan doa yang tidak pernah putus-putus untuk pengkaji sampai ke tahap ini. Demikian juga penghargaan yang sama untuk bonda Noriyanon binti Salim yang sentiasa memberikan sokongan, dorongan dan titipan doa untuk pengkaji terus berjaya dalam kehidupan. Ucapan penghargaan juga dititipkan khusus buat isteri tercinta, Aini Afiqah binti Marzidin dan anak-anak

tersayang, Asyraf Habib, Affan Habib, Syadza Ulfah dan Ahnaf Habib yang sentiasa memahami, memberikan sokongan dan dokongan yang tidak pernah berbelah bahagi kepada perjuangan pengkaji untuk menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan, penghargaan turut diberikan kepada adik beradik dan ahli keluarga yang memberikan semangat kepada pengkaji untuk terus gigih menyiapkan kajian ini. Sokongan dan titipan doa daripada kalian menguatkan semangat pengkaji untuk mengharungi segala cabaran yang datang sepanjang menyelesaikan penyelidikan ini.

Sekalung penghargaan juga diberikan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang membantu dari sudut kewangan melalui program MyBrain15 sehingga penyelidikan ini dapat ditamatkan dengan jayanya. Terima kasih juga kepada semua warga SMI IQKL dan sahabat handai kerana sudi memberi ruang dan berkongsi ilmu yang bermanfaat untuk menjayakan kajian ini. Segala curahan idea, keringat, wang ringgit dan segala bentuk kebaikan yang dihulurkan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung sepanjang proses kajian ini berlangsung dinilai sebagai amal kebaktian yang melayakkan kalian beroleh sebaik-baik ganjaran di sisi Allah SWT. Semoga penulisan tesis ini dapat memberikan manfaat kepada pengkaji dan menjadi saham ilmu yang sentiasa mengalir, seterusnya dapat memberatkan neraca pahala di akhirat kelak. Pengkaji juga mengharapkan agar hasil dapatan kajian ini dapat memberikan manfaat yang besar kepada umat Islam.

MOHD NOR ADZHAR BIN IBRAHIM  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK)  
Universiti Sains Malaysia

14 Zulkaedah 1443H  
14 Jun 2022M

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN .....</b>	<b>ii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN .....</b>	<b>iv</b>
<b>SENARAI RAJAH .....</b>	<b>x</b>
<b>PANDUAN TRANSLITERASI .....</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI SINGKATAN .....</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN.....</b>	<b>xiii</b>
<b>ABSTRAK .....</b>	<b>xiv</b>
<b>ABSTRACT .....</b>	<b>xv</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN .....</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Latar Belakang .....	2
1.3 Permasalahan Kajian .....	5
1.4 Persoalan Kajian.....	11
1.5 Objektif Kajian .....	11
1.6 Kepentingan Kajian.....	11
1.7 Skop dan Batasan Kajian.....	13
1.8 Definisi Konseptual dan Operasional Istilah.....	14
1.9 Kajian Terdahulu .....	16
1.9.1 Kajian Berkaitan Hadith <i>Mawdū ‘ī</i> .....	17
1.9.2 Kajian Berkaitan <i>Dirāsah Mawdū ‘iyyah min al-Hadīth</i> .....	25
1.9.3 Kajian Berkaitan <i>Syarḥ al-Mawdū ‘ī li al-Hadīth</i> .....	28
1.9.4 Kajian Berkaitan <i>Manhaj al-Suyūṭī</i> .....	31
1.9.5 Kajian Berkaitan <i>Khaṣā’is Yawm al-Jumu‘ah</i> .....	34
1.10 Metodologi Kajian.....	35
1.10.1 Metode Pengumpulan Data .....	36

1.10.1(a) Metode Kajian Kepustakaan.....	36
1.10.2    Metode Analisis Data .....	37
1.10.2(a) Metode Induktif .....	38
1.10.2(b) Metode Deduktif.....	38
1.10.2(c) Metode Perbandingan .....	39
1.10.2(d) Metode Tematik.....	39
1.11    Penutup.....	40
<b>BAB 2 KONSEP PENULISAN HADITH SECARA <i>MAWDŪ’I</i>.....</b>	<b>41</b>
2.1    Pengenalan .....	41
2.2    Kemunculan Istilah Hadith <i>Mawdū’i</i> dalam Perbahasan Ilmu <i>Muṣṭalah al-Hadīth</i> .....	43
2.3    Definisi Hadith <i>Mawdū’i</i> dari Segi Bahasa dan Istilah .....	46
2.3.1    Definisi Hadith .....	46
2.3.1(a)    Dari Segi Bahasa.....	46
2.3.1(b)    Dari Segi Istilah .....	47
2.3.2    Definisi <i>Mawdū’i</i> .....	50
2.3.3    Definisi Hadith <i>Mawdū’i</i> .....	52
2.4    Penggunaan Istilah <i>Dirāsah Mawdū’iyyah</i> dalam Kajian Hadith <i>Mawdū’i</i> ..	64
2.5    Kedudukan <i>Taṣnīf al-Mawdū’i</i> dalam Perbahasan Hadith <i>Mawdū’i</i> .....	65
2.6    Sejarah Penulisan Hadith Secara <i>Mawdū’i</i> .....	68
2.6.1    Penulisan Hadith Pada Zaman Rasulullah SAW .....	68
2.6.2    Penulisan Hadith Pada Zaman Sabahat RA .....	70
2.6.3    Penulisan Hadith Pada Zaman <i>Tābi’īn</i> .....	77
2.7    Karya-Karya yang Ditulis Secara <i>Mawdū’i</i> .....	80
2.8    Manhaj <i>Aṣḥāb al-Sunan</i> dalam Penulisan Hadith secara <i>Mawdū’i</i> .....	86
2.8.1    Manhaj Penulisan Mukadimah.....	87
2.8.2    Manhaj Himpunan Hadith.....	88
2.8.3    Manhaj Pembahagian Bab dengan Tajuk Tersusun .....	90

2.8.4	Manhaj Komentar Hadith.....	92
2.8.5	Manhaj Penulisan <i>Khātimah</i> .....	93
2.9	Langkah-Langkah Melakukan Kajian Hadith <i>Mawdū’ī</i> .....	95
2.9.1	Langkah Kajian Berteraskan Konsep <i>Dirāsah Mawdū’iyyah min al-Hadīth</i> .....	95
2.9.1(a)	Langkah-Langkah Kajian Bagi Konsep Pertama dan Kedua.....	97
2.9.1(b)	Langkah-Langkah Kajian Bagi Konsep Ketiga .....	103
2.9.1(c)	Langkah-Langkah Kajian Bagi Konsep Keempat .....	108
2.9.2	Langkah Kajian Berteraskan Konsep <i>Syarḥ al-Mawdū’ī li al-Hadīth</i> .....	111
2.10	Perbezaan dan Hubung Kait antara <i>Dirāsah Mawdū’iyyah</i> dan <i>Syarḥ al-Mawdū’ī</i> .....	114
2.11	Penutup.....	117
<b>BAB 3 KETOKOHAN AL-SUYŪTĪ DALAM BIDANG HADITH MAWDŪ’Ī</b>		<b>119</b>
3.1	Pengenalan .....	119
3.2	Latar Belakang Asas al-Suyūtī .....	119
3.2.1	Nama, Kelahiran, Gelaran dan Nisbah.....	119
3.2.2	Latar Belakang Keluarga.....	120
3.2.3	Pendidikan Awal .....	124
3.3	Kewibawaan al-Suyūtī dalam Hadith <i>Mawdū’ī</i> .....	125
3.3.1	Karya .....	126
3.3.2	Guru.....	135
3.3.3	Murid.....	152
3.4	Al-Suyūtī Pada Hujung Usia .....	155
3.5	Penutup.....	157
<b>BAB 4 MANHAJ AL-SUYŪTĪ DALAM PENULISAN HADITH SECARA MAWDŪ’Ī</b>		<b>158</b>
4.1	Pengenalan .....	158

4.2	Manhaj Penentuan Tema Perbahasan.....	158
4.3	Manhaj Penulisan Mukadimah Karya .....159	
4.3.1	Menyatakan Sumber Rujukan Utama .....	160
4.3.2	Menyatakan Faktor dan Matlamat Penulisan.....	160
4.4	Manhaj Pembahagian dan Penamaan Bab .....	161
4.5	Manhaj Penulisan Hadith <i>Mawdū’ī</i> .....163	
4.5.1	Kumpul dan Tulis Kesemua Hadith Berkaitan Tema .....	163
4.5.2	Menyokong Penulisan Hadith <i>Mawdū’ī</i> dengan Pelbagai Elemen Lain .....	169
4.5.2(a)	Menyokong Penulisan Hadith <i>Mawdū’ī</i> dengan Ayat al-Quran .....	170
4.5.2(b)	Menyokong Penulisan Hadith <i>Mawdū’ī</i> dengan <i>Athar Sahabat RA</i> dan <i>Tābi’īn</i> .....	172
4.5.2(c)	Menyokong Penulisan Hadith <i>Mawdū’ī</i> dengan Pandangan Ulama .....	173
4.5.2(d)	Memberi Ulasan dan Kesimpulan Berdasarkan Himpunan Keseluruhan Riwayat.....177	
4.6	Manhaj Penyenaraian Teks Hadith dalam Setiap Bab .....	189
4.6.1	Menyenaraikan Hadith Berkaitan Tema .....	190
4.6.2	Menyenaraikan Matan Hadith Secara Lengkap .....	194
4.6.3	Menyenaraikan Teks Hadith Berdasarkan Petikan pada Bahagian Tertentu .....	199
4.6.4	Mengisyaratkan Hadith yang Telah Disebutkan bagi Sesuatu <i>Khusūsiyyah</i> yang Baharu .....	202
4.6.5	Tidak Menyenaraikan Hadith bagi Beberapa <i>Khasā’is</i> Tertentu .....	203
4.7	Manhaj Penyusunan Hadith dalam Bab Berdasarkan Turutan Statusnya .... 208	
4.8	Manhaj Penulisan Sanad Hadith .....	211
4.8.1	Menyatakan Nama Perawi Tertinggi Sahaja.....211	
4.8.2	Menyatakan Sanad dengan Lengkap.....213	
4.8.3	Menyatakan Sanad Tidak Lengkap.....216	

4.8.4	Tidak Menyatakan Sanad .....	218
4.9	Manhaj Penulisan Taraf Riwayat Berdasarkan Penyandarannya kepada <i>al-Qā'il</i> .....	220
4.9.1	Menulis Riwayat Berstatus <i>Marfū‘</i> .....	220
4.9.2	Menulis Riwayat Berstatus <i>Mawqūf</i> .....	223
4.9.3	Menulis Riwayat Berstatus <i>Mursal</i> .....	225
4.10	Manhaj Penulisan Sumber Hadith .....	229
4.10.1	Menyebutkan Nama Pengarang dan Nama Kitab .....	229
4.10.2	Menyebutkan Nama Pengarang Sahaja .....	233
4.10.3	Menyebutkan Nama Kitab Sahaja .....	235
4.11	Manhaj Penulisan Status Hadith dan Sanadnya .....	237
4.11.1	Menilai Status Hadith .....	237
4.11.2	Menilai Status Sanad Hadith .....	240
4.12	Manhaj Penulisan Ulasan Terhadap Hadith .....	247
4.13	Manhaj <i>Tarjih</i> .....	253
4.14	Manhaj Penulisan <i>Khātimah</i> .....	257
4.15	Penutup .....	259
	<b>BAB 5 DAPATAN KAJIAN DAN CADANGAN.....</b>	<b>260</b>
5.1	Pengenalan .....	260
5.2	Dapatan Kajian .....	260
5.2.1	Permasalahan Kajian Pertama .....	260
5.2.1(a)	<i>Hadith Mawdū‘ī</i> .....	260
5.2.1(b)	<i>Taṣnīf al-Mawdū‘ī</i> .....	261
5.2.1(c)	<i>Dirāsaḥ al-Mawdū‘iyyah min al-Hadīth</i> dan <i>Syarḥ al-Mawdū‘ī li al-Hadīth</i> .....	262
5.2.1(d)	Hubung Kait antara <i>Hadith Mawdū‘ī</i> , <i>Taṣnīf al-Mawdū‘ī</i> , <i>Dirāsaḥ Mawdū‘iyyah min al-Hadīth</i> dan <i>Syarḥ al-Mawdū‘ī li al-Hadīth</i> .....	264
5.2.1(e)	Evolusi Hadith <i>Mawdū‘ī</i> .....	267

5.2.1(f) Kedudukan Kajian Hadith <i>Mawdū’ī</i> Kontemporari dalam ‘Ulūm al-Hadīth .....	267
5.2.1(g) Perkembangan Perbahasan ‘Ulūm al-Hadīth.....	268
5.2.2 Permasalahan Kajian Kedua.....	268
5.2.2(a) Minat Terhadap Ilmu Hadith Terbina semenjak Kecil.....	269
5.2.2(b) Penghasilan Karya-Karya Bermutu dalam Bidang Hadith <i>Mawdū’ī</i> .....	270
5.2.3 Permasalahan Kajian Ketiga .....	272
5.2.3(a) Menetapkan Tema Perbincangan.....	273
5.2.3(b) Membina Kerangka Kajian Berfokus .....	274
5.2.3(c) Menghimpun dan Menulis Hadith Berkaitan Tema serta Menjalankan Analisis Terhadap Isu yang Dibincangkan .....	276
5.3 Cadangan Kajian .....	280
5.3.1 Cadangan Kajian Berkaitan al-Suyūṭī .....	280
5.3.2 Cadangan Kajian Berkaitan Hadith <i>Mawdū’ī</i> .....	282
5.4 Penutup.....	283
<b>BIBLIOGRAFI.....</b>	<b>284</b>

## LAMPIRAN

## SENARAI PENERBITAN

## **SENARAI RAJAH**

	<b>Halaman</b>
Rajah 2.1	Hubung Kait antara <i>Taṣnīf al-Mawdū’i</i> dengan <i>Dirāsaḥ Mawdū’iyah min al-Hadīth</i> dalam Kerangka Model Kajian Hadith <i>Mawdū’i</i> Kontemporari .....67
Rajah 2.2	Konsep Kajian Hadith <i>Mawdū’i</i> Menurut Para Sarjana Hadith Kontemporari .....96
Rajah 2.3	Hubung Kait antara <i>Dirāsaḥ Mawdū’iyah</i> dan <i>Syarḥ al-Mawdū’i</i> 116
Rajah 3.4	Ringkasan Senarai Guru-Guru al-Suyūṭī .....151
Rajah 4.5	<i>Research Onion Hadith Mawdū’i</i> .....189
Rajah 5.6	Model Kajian Hadith <i>Mawdū’i</i> Kontemporari .....266
Rajah 5.7	Carta Alir Penulisan Hadith Secara <i>Mawdū’i</i> oleh al-Suyūṭī.....273

## PANDUAN TRANSLITERASI

HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB
ẗ	ط	-	ا
z	ظ	b	ب
'	ع	t	ت
gh	غ	th	ث
f	ف	j	ج
q	ق	ḥ	ح
k	ك	kh	خ
l	ل	d	د
m	م	dh	ذ
n	ن	r	ر
w	و	z	ز
h	هـ	s	سـ
,	ءـ	sy	شـ
y	يـ	ṣ	صـ
ẗ	ةـ	ڏ	ضـ

PENDEK		PANJANG		DIFTONG	
a	ـ	ـ	ـ	ay	ـيـ
i	ـ	ـ	ـ	aw	ـوـ
u	ـ	ـ	ـ		

Sumber: *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1992)

## SENARAI SINGKATAN

AS	<i>'Alayh al-Salām</i>
bil.	Bilangan
Ed.	Seorang Editor
Eds.	Dua Orang Editor atau Lebih
H	Hijrah (tahun)
hal.	Halaman
jil.	Jilid
M	Masihi (tahun)
no.	Nombor
RA	<i>Radiy Allāh 'anh</i>
R.AH	<i>Radiy Allāh 'anhum ajma'īn</i>
R.H	<i>Rahimah Allāh</i>
Samb.	Sambungan
SAW	<i>Salla Allāh 'alayh wa Sallam</i>
SWT	<i>Subḥānāh wa Ta'ālā</i>
terj.	Terjemahan
transl.	<i>Translation</i>
t.p.	Tanpa Penerbit
t.t.	Tanpa Tahun
t.t.t	Tanpa Tempat Terbit
USM	Universiti Sains Malaysia
Vol.	Volume

## **SENARAI LAMPIRAN**

- |            |   |
|------------|---|
| LAMPIRAN A | SENARAI <i>KHUŞUŞIYYĀT</i> HARI JUMAAT DALAM KARYA<br><i>AL-LUM'AH FĪ KHAŞĀ'IS YAWM AL-JUMU'AH</i>          |
| LAMPIRAN B | STATUS HADITH ATAU SANAD HADITH YANG<br>DINUKILKAN DALAM KARYA <i>AL-LUM'AH FĪ KHAŞĀ'IS YAWM AL-JUMU'AH</i> |

**MANHAJ PENULISAN HADITH SECARA *MAWDŪ’I* OLEH AL-SUYŪTĪ DALAM *AL-LUM’AH FĪ KHASĀ’İŞ YAWM AL-JUMU’AH***

**ABSTRAK**

Hadith *mawdū’i* merupakan satu istilah baharu yang digunakan secara meluas dalam kalangan sarjana hadith kontemporari. Namun, ia menjadi antara cabang ilmu hadith yang dibangunkan berdasarkan ijтиhad mereka tanpa didahului oleh kajian khusus terhadap pengaplikasiannya oleh tokoh-tokoh hadith tertentu, sedangkan asas-asasnya boleh didapati dalam karya-karya hadith silam. Salah satu daripada karya tersebut ialah *al-Lum’ah fī Khasā’ış Yawm al-Jumu’ah* oleh al-Suyūtī yang membincangkan hadith-hadith tentang keistimewaan hari Jumaat secara tematik. Namun ketokohan al-Suyūtī dalam penulisan hadith secara *mawdū’i* tidak diketahui dan manhajnya dalam bidang ini belum diterokai oleh kajian terdahulu meskipun beliau merupakan seorang ulama hadith terkemuka. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji konsep hadith *mawdū’i* kontemporari, ketokohan al-Suyūtī dan manhaj penulisan hadith secara *mawdū’i* oleh beliau dalam *al-Lum’ah fī Khasā’ış Yawm al-Jumu’ah*. Bagi mencapai matlamat ini, kaedah kepustakaan berdasarkan kajian kualitatif melalui reka bentuk analisis kandungan digunakan sepenuhnya dalam proses pengumpulan data, lalu dianalisis menggunakan kaedah induktif dan deduktif. Dapatkan kajian menunjukkan al-Suyūtī memiliki ketokohan dalam bidang hadith *mawdū’i* dan kesemua kerangka asas penulisan hadith *mawdū’i* yang diaplikasikannya dalam karya ini adalah selaras dengan manhaj penulisan hadith *mawdū’i* kontemporari.

# **MANHAJ IN THE WRITING OF HADITH *MAWDŪ’Ī* BY AL-SUYŪTĪ**

## **IN *AL-LUM’AH FĪ KHAŞĀ’İŞ YAWM AL-JUMU’AH***

### **ABSTRACT**

Hadith *mawdū’ī* literally means thematic hadith is a newly coined terminology that is widely in use amongst contemporary hadith scholars. However, it became one of the sub disciplines in the study of hadith which was developed by them without referring to any of the earlier scholars in detail regarding its applications. Whereas, the foundation of hadith *mawdū’ī* can be found in the works of traditional scholars, one of which is *al-Lum’ah fī Khaşā’ış Yawm al-Jumu’ah* by al-Suyūtī which discusses the hadiths about the virtues of Friday. In spite of his prominence, al-Suyūtī’s authority and his methodology in transcribing hadith thematically was unknown. Therefore, this study aims to discuss the concept of thematic contemporary hadith in addition to studying the prominence of al-Suyūtī in the field of hadith as well as analyzing the thematic method of hadith transcription which was applied by him in *al-Lum’ah fī Khaşā’ış Yawm al-Jumu’ah*. In order to achieve these aims, library method based on qualitative research through content analysis design was fully applied in the data collection process. The data was analysed based on inductive and deductive methods. The study finds that al-Suyūtī exhibits a strong presence of authority in the discipline of hadith *mawdū’ī* and all basic frameworks in the transcription of hadith *mawdū’ī* that which applied by al-Suyūtī in this work are in line with the transcription methodology of hadith *mawdū’ī* that which is applied in the contemporary transcription of hadith *mawdū’ī*.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan tentang struktur kajian yang dijalankan. Perbincangan dimulakan dengan tinjauan terhadap latar belakang kajian. Kajian ini membahaskan tentang hadith-hadith berkaitan keistimewaan hari Jumaat secara tematik. Kemudian, permasalahan kajian dibentangkan dengan lebih mendalam untuk menjelaskan justifikasi kajian ini perlu dijalankan. Kesemua persoalan kajian dikemukakan secara terperinci dan objektif akhir bagi penyelidikan ini juga dijelaskan dengan sebaik mungkin. Kemudian, kepentingan kajian yang menyeluruh juga dikemukakan untuk mewajarkan kajian ini dijalankan.

Bagi memastikan kajian ini lebih terpandu, maka kajian ini telah menetapkan skop dan batasan kajian. Kajian-kajian lepas juga dikemukakan bagi memastikan penyelidikan yang dijalankan berdasarkan kelompongan kajian yang ditinggalkan dalam kajian-kajian terdahulu. Fokus kajian lepas diberikan kepada beberapa tema seperti hadith *mawdū’i, dirāsah mawdū’iyyah min al-hadīth, syarḥ al-mawdū’i li al-hadīth*, manhaj al-Suyūṭī (w.911H) dan *khaṣā’is yawm al-jumu’ah*. Sorotan terhadap kajian lepas mendapat terdapat jurang penyelidikan antara kajian yang ingin dijalankan dengan kajian-kajian terdahulu. Perbahasan bab ini disudahi dengan perbincangan tentang beberapa metodologi kajian yang merangkumi aspek pengumpulan dan penganalisisan data.

## 1.2 Latar Belakang

Hari Jumaat sinonim dalam kalangan masyarakat Islam dengan pelbagai keistimewaan. Pada hari Jumaat, Allah SWT mensyariatkan umat Islam agar beribadah dengan amalan-amalan tertentu yang tiada pada hari yang lain. Walaupun tidak dinyatakan secara jelas dalam al-Quran tentang keistimewaan hari Jumaat, namun Rasulullah SAW memberitahu bahawa terdapat banyak keistimewaan hari Jumaat melalui sabda Baginda. Antaranya, hari Jumaat merupakan penghulu segala hari bagi umat Islam seperti yang dapat dilihat dalam hadith riwayat Ibn Mājah (w.273H) seperti berikut:

سَيِّدُ الْأَيَّامِ يَوْمُ الْجُمُعَةِ وَأَعْظَمُهَا عِنْدَهُ وَأَعْظَمُهُ عِنْدَ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ مِنْ يَوْمِ الْفُطْرِ وَيَوْمِ  
الْأَضْحَى وَفِيهِ خَمْسٌ خَلَقَ اللَّهُ فِيهِ آدَمَ وَاهْبَطَ اللَّهُ فِيهِ آدَمَ إِلَى الْأَرْضِ وَفِيهِ تَوْقِيَّةُ اللَّهِ  
آدَمَ وَفِيهِ سَاعَةٌ لَا يَسْأَلُ الْعَبْدُ فِيهَا شَيْئًا إِلَّا آتَاهُ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى إِيَّاهُ مَا لَمْ يَسْأَلْ حَرَامًا  
وَفِيهِ تَقْوُمُ السَّاعَةِ مَا مِنْ مَلَكٍ مُّقَرَّبٍ وَلَا سَمَاءً وَلَا أَرْضًا وَلَا رِيَاحًا وَلَا جَبَالٍ وَلَا بَحْرٍ إِلَّا  
هُنَّ يُشْفَقُونَ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ<sup>1</sup>

Terjemahan: “Penghulu segala hari adalah hari Jumaat dan ia merupakan hari teragung di sisi-Nya. Ia juga merupakan hari yang lebih agung di sisi Allah berbanding Hari Raya Fitrah dan Hari Raya Korban. Hari Jumaat berlaku lima perkara (besar). Padanya, Allah menciptakan Adam, dan Allah menurunkan Adam ke dunia dan padanya juga, Allah menarik nyawa Adam. Dan padanya terdapat suatu tempoh yang apabila seseorang hamba meminta sesuatu selagi bukan perkara haram, pasti Allah akan menunaikannya. Dan padanya juga akan berlakunya kiamat. Dan pada hari tu, malaikat, langit, bumi, angin, gunung dan laut berasa takut kerana keagungan hari Jumaat.”<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Ibn Mājah (2009), *al-Sunan, Bāb fī Faḍl al-Jumu‘ah*, ed. Syu‘aib al-Arnā’ūt, Beirut: Dar al-Risalah al-Ilmiyyah, jil. 2, hal. 185, hadith no. 1084. Syu‘aib al-Arnā’ūt menilai hadith ini sebagai *sahih li ghayrih* kerana kepelbagaiannya dalam periyawatan.

<sup>2</sup> Kesemua terjemahan hadith yang dinyatakan dalam kajian ini adalah gabungan daripada terjemahan hadith berbahasa Indonesia yang dinukilkhan daripada software *Ensiklopedi Hadits - Kitab 9 Imam* versi 4.0 keluaran Lidwa Pusaka dan terjemahan hadith berbahasa Malaysia yang dinukilkhan daripada buku *100 Keistimewaan Malam & Hari Jumaat* oleh al-Suyūṭī (terj.) terbitan al-Hidayah House of Publisher Sdn Bhd. Kemudian, terjemahan-terjemahan yang dirujuk tersebut dimurnikan dalam kajian ini dengan merujuk kepada karya-karya syarah hadith untuk mendapatkan makna yang lebih tepat.

Menurut penelitian, terdapat penjelasan ulama berkaitan potongan matan hadith سَيِّدُ الْأَيَّامِ يَوْمُ الْجُمُعَةِ). Menurut Muḥammad ‘Alī Janbar (w.1429H), penghulu segala hari bermaksud hari yang paling utama dalam seminggu.<sup>3</sup> Menurut Muḥammad bin ‘Umar al-Nawawī al-Bantānī (w.1314H), potongan hadith ini menunjukkan kemuliaan dan keagungan hari Jumaat kerana pelbagai peristiwa besar berlaku dalam hari tersebut seperti yang dapat dilihat daripada penjelasan berikut:

“Ia merupakan hari yang paling agung di sisi Allah SWT. Dinukilkan di dalam kitab *al-Jāmi‘ al-Ṣaghīr* bahawa penghulu segala hari di sisi Allah SWT ialah hari Jumaat. Ia merupakan hari yang lebih agung berbanding hari raya korban dan hari raya fitrah. Pada hari ini berlaku lima peristiwa besar. Padanya diciptakan Nabi Adam AS. Padanya, Nabi Adam AS diturunkan dari syurga ke dunia. Padanya, Adam AS diwafatkan. Padanya juga terdapat satu tempoh yang tidaklah seseorang hamba itu meminta melainkan diperkenankan permintaan tersebut selagi mana dia tidak meminta perkara berdosa atau perkara yang memutuskan silaturrahim. Dan kiamat berlaku pada hari Jumaat. Dan tidaklah malaikat yang hampir, langit dan bumi, angin dan gunung serta batuan, melainkan kesemua itu takutkan hari Jumaat. Keadaan itu adalah disebabkan mereka takut berlakunya hari kiamat, takut kepada hari mahsyar dan takut kepada hari perhitungan.”<sup>4</sup>

Selain daripada hadith ini, terdapat banyak lagi hadith lain dalam *al-Kutub al-Sittah* yang menceritakan perihal hari Jumaat dari pelbagai aspek. Hadith-hadith ini didapati wujud secara terpisah dan berasingan. Misalnya, al-Bukhārī (w.256H) memuatkan sejumlah 64 hadith dalam satu bab yang diberi nama *Kitāb al-Jumu‘ah*.<sup>5</sup> Muslim (w.261H) pula menulis sejumlah 40 hadith yang juga dihimpun dalam bab *Kitāb al-Jumu‘ah*.<sup>6</sup> Berbeza dengan Abū Dāwūd (w.275H) yang menyenaraikan

---

<sup>3</sup> Muhammad Ali Janbar (2011), *Injāz al-Ḥajjah Syarḥ Sunan Ibn Mājah*, Islamabad: Dar al-Nur, jil.3, hal. 451.

<sup>4</sup> Muḥammad bin ‘Umar al-Nawawī al-Bantānī (t.t.), *Tanqīh al-Qawl al-Hathīth fī Syarḥ Lubāb al-Hadīth*, Mesir: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, hal. 19.

<sup>5</sup> Al-Bukhārī (1993), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Muṭafā al-Bughā, Beirut: Dar Ibn Kathir, hal. 299-319.

<sup>6</sup> Muslim bin al-Ḥajjāj (2006), *Ṣaḥīḥ Muslim*, ed. Nazr Muḥammad al-Faryābī, Riyad: Dar al-Tayyibah, hal. 377-391.

sejumlah 81 hadith tentang topik Jumaat dalam beberapa bab kecil yang dikelompokkan dalam satu bab besar bertajuk *fī Tafri‘ Abwāb al-Jumu‘ah*.<sup>7</sup> Al-Tirmidhi (w.279H) pula menyusun *Abwāb al-Jumu‘ah* yang menghimpunkan sejumlah 40 hadith di dalamnya.<sup>8</sup> Al-Nasā’i (w.303H) pula memuatkan sejumlah 66 hadith dalam satu bab yang diberi nama *Kitāb al-Jumu‘ah*.<sup>9</sup> Ibn Mājah pula menyenaraikan sejumlah 56 hadith berkenaan hari Jumaat dan kelebihannya dalam beberapa bab berkaitan.<sup>10</sup>

Rentetan kewujudan banyak hadith yang menyentuh perihal hari Jumaat ini, muncul ulama yang mengambil inisiatif menghimpunkan hadith-hadith ini dalam karya mereka secara khusus. Salah seorang daripada mereka ialah al-Suyūti. Beliau telah menulis sebuah karya yang membahaskan perihal hari Jumaat berjudul *al-Lum‘ah fī Khaṣā’iṣ Yawm al-Jumu‘ah*. Dalam karya ini, al-Suyūti menjadikan setiap *khaṣā’iṣ* sebagai satu fasal yang khusus. Secara keseluruhan, beliau menyenaraikan 101 *khaṣā’iṣ* merangkumi sejumlah 165 riwayat yang sebahagian besarnya merupakan hadith yang berstatus *marfū‘*. Pada bahagian mukadimah karya *al-Lum‘ah* ini, al-Suyūti ada menjelaskan sebab-sebabnya menulis karya ini. Beliau menulis:

فقد ذكر الأستاذ شمس الدين ابن القيم في كتاب الهدى ل يوم الجمعة خصوصيات بضعا  
و عشرين خصوصية وفاته أضعاف ما ذكر : وقد رأيت استيعابها في هذه الكراة منها

---

<sup>7</sup> Abū Dāwūd (2009), *Sunan Abū Dāwūd*, ed. Syu‘aib al-Arnā’ūt, Beirut: Dar al-Risalah al-‘Ilmiyyah, hal. 277-339.

<sup>8</sup> Al-Tirmidhi (1996), *al-Jāmi‘ al-Kabīr*, ed. Basisyār ‘Awwād Ma‘rūf, Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, jil. 1, hal. 499-532.

<sup>9</sup> Al-Nasā’i (1999), *Sunan al-Nasā’i*, Riyadh: Bayt al-Afkār al-Duwaliyyah, hal. 162-169.

<sup>10</sup> Ibn Mājah, *al-Sunan*, jil. 2, hal. 185-222.

على أدتها على سبيل الإيجاز وتبعتها فتحصلت منها على مائة خصوصية والله الموفق.<sup>11</sup>

Terjemahan: “Sesungguhnya *al-Ustadh Syams al-Dīn Ibn al-Qayyim* (w.751H) telah menyebutkan dalam karya *al-Hadyu (Zād al-Ma‘ād)* bahawa hari Jumaat memiliki sejumlah dua puluh lebih *khaṣā’iṣ* dan beliau terlepas pandang dalam menyebut banyak lagi *khaṣā’iṣ* yang lain. Maka aku bercadang untuk melengkapannya dalam risalah kecil ini dengan menjelaskan dalil-dalilnya secara ringkas. Setelah aku menelitiinya, aku mendapati bahawa hari Jumaat memiliki seratus *khaṣā’iṣ*. Semoga Allah memberi taufik.”

Berdasarkan mukadimah di atas, al-Suyūṭī dilihat berhasrat menyempurnakan penulisan Ibn Qayyim al-Jawziyyah seterusnya menjadikan ia sebagai satu karya yang menghimpunkan *khaṣā’iṣ* hari Jumaat secara holistik berdasarkan dalil yang *thābit*. Oleh itu, kajian ini berhasrat mengkaji dan menganalisis manhaj penulisan hadith al-Suyūṭī khusus dalam karya ini agar ia boleh diketengahkan sebagai satu rujukan dalam memahami kajian hadith *mawdū’i*.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Merujuk kepada latar belakang kajian, terdapat beberapa isu yang menjadi permasalahan kajian yang menarik untuk dikaji. Permasalahan kajian yang pertama berkisar mengenai penulisan hadith secara *mawdū’i*. Pelbagai kajian akademik kontemporari ditemui telah membincangkan tentang hadith *mawdū’i* yang memperlihatkannya berbentuk *ijtihādī*. Implikasinya, konsep hadith *mawdū’i* dilihat tidak mantap kerana berlaku ketidak seragaman idea dalam menetapkan kerangka dan langkah-langkah kajiannya. Memperincikan perkara ini dengan lebih lanjut, kajian

---

<sup>11</sup> Al-Suyūṭī (1986), *Nūr al-Lum’ah fī Khaṣā’iṣ Yawm al-Jumu’ah*, Dammam: Dar Ibn al-Qayyim, hal. 39.

terawal berkaitan isu ini dijalankan oleh Ramaḍān Ishāq al-Zayyān dalam sebuah artikel jurnal yang diterbitkan pada tahun 2002. Dalam kajian tersebut, beliau mengakui bahawa disiplin ini adalah bersifat *ijtihādī*.<sup>12</sup> Berdasarkan kenyataan ini, maka dapatlah difahami bahawa kerangka kajian yang dibangunkan adalah berdasarkan idea beliau sendiri dan tidak berteraskan kepada satu kajian yang khusus terhadap pengaplikasiannya oleh tokoh-tokoh hadith terdahulu.

Walaupun begitu, kajian beliau mendapat sambutan dan terus dikaji secara komprehensif dan konstruktif. Hasilnya, berdasarkan kerangka yang dibangunkan oleh al-Zayyān, terdapat banyak kajian kes berdasarkan isu-isu tertentu berkaitan hadith dijalankan dalam pelbagai tahap pengajian sama ada pada peringkat siswazah mahupun pasca-siswazah dengan cara mengumpulkan dan menganalisis hadith-hadith yang sesuai dengan isu yang hendak dikaji. Salah satu kajian yang dimaksudkan ialah *al-Amn fī al-Hadīth al-Mawdū‘ī* oleh Su‘ād Bīṭāṭ.<sup>13</sup> Karya ini berbentuk kajian tematik terhadap istilah Nabawi tertentu, namun ia merupakan konsep yang tidak disebutkan oleh majoriti sarjana hadith kontemporari termasuk al-Zayyān, kecuali oleh Haifā‘ ‘Abd al-‘Azīz al-Asyrafi dalam kajiannya bertajuk *al-Syarḥ al-Mawdū‘ī li al-Hadīth al-Syarīf Dirāsah Naẓariyyah Taṭbīqiyyah*. Bahkan konsep ini dibantah oleh al-Syarmān dalam kajiannya. Oleh kerana kerangka kajian hadith *mawdū‘ī* kontemporari yang dibangunkan oleh al-Zayyān dan para sarjana hadith selepasnya adalah bersifat *ijtihādī*, maka ketidak seragaman pendapat dalam menetapkan konsep hadith *mawdū‘ī* dilihat berlaku. Justeru, isu konsep dan kemantapan kerangka kajian ini adalah berbangkit di sini. Hal ini kerana berdasarkan hasil penelitian sehingga penyelidikan

---

<sup>12</sup> Ramaḍān Ishāq al-Zayyān (2002), *al-Ḥadīth al-Mawdū‘ī Dirāsah Naẓariyyah, Majallaḥ al-Jami‘ah al-Islamiyyah*, jil. 10, Vol. 2, hal. 214.

<sup>13</sup> Su‘ād Bīṭāṭ (2016). *al-Amn fī al-Hadīth al-Mawdū‘ī*. ‘Amman: Markaz al-Kitab al-Akadimi.

ini dijalankan, belum ditemui lagi penyelidikan-penyalidikan berkaitan pembinaan kerangka kajian hadith *mawdū’i* kontemporari berdasarkan amalan penulisan tokoh-tokoh hadith dalam karya-karya mereka dilakukan.

Selain itu, usaha penulisan hadith secara tematik pada zaman *mutaqaddimin*<sup>14</sup> juga wajar ditelusuri dan diberikan perhatian. Hal ini kerana usaha penulisan hadith secara *mawdū’i* oleh golongan tersebut terutamanya yang hidup pada kurun pertama dan awal kurun kedua Hijriyyah dibuat berdasarkan inisiatif individu secara persendirian.<sup>15</sup> Justeru, fakta-fakta sejarah berkaitan usaha penulisan tersebut yang berserakan dan tidak tersusun dalam satu penulisan yang dapat dirujuk bagi memperlihatkan kewujudannya secara komprehensif mewajarkan kajian ini dijalankan.

Jika ditinjau dari sudut dapatan pula, salah satu kajian berkenaan manhaj penulisan hadith *mawdū’i* pada peringkat ijazah kedoktoran oleh Khālid Muḥammad Maḥmūd al-Syarmān bertajuk *al-Hadīth al-Mawdū’i Dirāsah Ta’ṣiliyyah Taṭbiqiyyah*<sup>16</sup> menyatakan bahawa terdapat tiga manhaj yang digariskan dalam membuat penulisan hadith secara *mawdū’i*, iaitu mengumpulkan hadith-hadith berkaitan subjek kajian melalui cara penelitian, mengumpulkan hadith-hadith

---

<sup>14</sup> Menurut M. Syuhudi Ismail, ulama *mutaqaddimin* merujuk kepada ulama hadith yang hidup pada abad kedua dan ketiga Hijrah yang menghimpunkan hadith-hadith Nabi SAW ke dalam kitab-kitab mereka dengan cara mengunjungi guru-guru mereka secara langsung, membuat sendiri penelitian terhadap matan-matan hadith dan periwayat-periwayat hadith yang mereka diterima. Menurut kajian Umar Muhammad Noor, ulama hadith *mutaqaddimin* merujuk kepada para pakar hadith yang hidup sebelum abad ke 5H/11M. Rujuk: M. Syuhudi Ismail (1987), Pengantar Ilmu Hadith, Bandung: Penerbit Angkasa, hal. 36 dan Umar Muhammad Noor (2018), *Aliran Kritik Hadith Semasa: Analisis Metode Kritik Abū Ishaq al-Huwayni, Maḥmūd Sa’id Mamdūh dan Hamzah al-Malyabārī*, Tesis Ijazah Kedoktoran, Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hal. 241.

<sup>15</sup> Khālid Muḥammad Maḥmūd al-Syarmān (2009), *al-Hadīth al-Mawdū’i Dirāsah Ta’ṣiliyyah Taṭbiqiyyah*, ‘Amman: Dar al-Furqan li al-Nasyr wa al-Tawzi’, hal. 49.

<sup>16</sup> Khālid Muḥammad Maḥmūd al-Syarmān (2009), *al-Hadīth al-Mawdū’i Dirāsah Ta’ṣiliyyah Taṭbiqiyyah*, Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Univerisiti Yarmouk, Jordan. Diterbitkan oleh Dar al-Furqan.

berkaitan subjek kajian melalui sumber karya-karya hadith sahaja dan memberi ulasan bagi tajuk tertentu berdasarkan himpunan riwayat-riwayat bagi sesebuah hadith yang menjadi tema kajian. Rentetan kesimpulan ini, maka timbul persoalan tentang keselarasan antara kaedah penulisan yang diaplikasikan oleh *mutaqaddimīn*, al-Suyūṭī yang mewakili golongan *muta'akhkirīn*<sup>17</sup> dan kajian-kajian kontemporari yang mewajarkan manhaj penulisan hadith secara *mawdū'i* oleh al-Suyūṭī untuk dikaji.

Permasalahan kedua pula menyentuh mengenai ketokohan al-Suyūṭī dalam bidang hadith *mawdū'i* yang masih belum diketahui. Implikasinya, kewibawaan al-Suyūṭī dalam bidang hadith belum terserlah secara holistik kerana masih wujud lagi aspek-aspek tertentu berkaitan ketokohnya dalam bidang ini yang belum dikaji. Sorotan kajian terdahulu memperlihatkan beberapa aspek berkaitan al-Suyūṭī seperti latar belakang diri, keluarga, pendidikan awal, senarai guru, murid, hasil karya dan ijтиhad telahpun dikaji. Dapatkan kajian tersebut memperlihatkan beliau sebagai seorang tokoh ilmuwan hadith yang hebat sehingga menjadi rujukan umat sehingga ke hari ini. Walau bagaimanapun, kajian berkaitan ketokohan beliau dalam bidang hadith *mawdū'i* masih belum ditemui, sedangkan beliau banyak menghasilkan karya-karya hadith yang bersifat tematik. Oleh itu, timbul persoalan tentang ketokohan al-Suyūṭī dalam bidang hadith *mawdū'i*.

---

<sup>17</sup> Menurut Umar Muhammad Noor, ulama hadith *muta'akhirīn* pula ialah ahli hadith yang datang selepas abad ke 5H/11M dengan mengamalkan metode kritik hadith yang telah bercampur dengan pemikiran deduktif *fuqahā'*, ahli *kalām* dan ahli *uṣūl*. Rujuk Umar Muhammad Noor, *Aliran Kritik Hadith Semasa: Analisis Metode Kritik Abū Iṣhāq Al-Ḥuwaynī, Maḥmūd Sa'īd Mamdūh Dan Ḥamzah Al-Malyabārī*, hal. 241.

<sup>17</sup> Mohd Nizho bin Abd Rahman (2015), *Aplikasi Hadith Amal Jama'i Dalam al-Sahihayn: Kajian Terhadap Usahawan Al-Wahida Marketing Sdn Bhd*, Tesis Ijazah Kedoktoran, Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hal. 117.

Seterusnya, permasalahan kajian yang ketiga pula adalah berkaitan dengan manhaj al-Suyūṭī dalam penulisan hadith secara *mawdū’i* yang masih belum diterokai. Perkara ini memberikan implikasi kekurangan sandaran berkaitan pengaplikasian manhaj penulisan hadith secara *mawdū’i* oleh tokoh-tokoh hadith tertentu yang sepatutnya dapat digunakan untuk memantapkan konsep dan kerangka hadith *mawdū’i* kontemporari. Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa al-Suyūṭī didapati banyak menulis karya-karya hadith yang bersifat tematik dan salah satunya ialah *al-Lum’ah fi Khaṣā’iṣ Yawm al-Jumu’ah* yang menghimpunkan hadith-hadith tentang keistimewaan hari Jumaat secara tematik. Dalam mukadimah karya ini, al-Suyūṭī menggunakan kalimah (الاستيعاب) yang membawa maksud menyempurnakan tulisan secara holistik.<sup>18</sup> Ertinya, al-Suyūṭī berhasrat melengkapkan tulisan berkaitan *khaṣā’iṣ yawm al-jumu’ah* yang dimulakan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah secara menyeluruh dalam sebuah penulisan yang khusus. Hal ini diperkuuhkan dengan kenyataan *pentaḥqīq* karya ini. Menurut beliau:

هذه الرسالة هي من أجمع ما جمع في خصائص يوم الجمعة.<sup>19</sup>

Terjemahan: “Risalah ini merupakan karya antara yang paling banyak menghimpunkan *khaṣā’iṣ* hari Jumaat.”

Oleh itu, penulisan al-Suyūṭī dalam karya ini dilihat lebih menjurus ke arah satu usaha pengumpulan hadith dalam tema-tema tertentu yang boleh diistilahkan sebagai hadith *mawdū’i*. Walaupun karya ini bukanlah satu-satunya hasil penulisan al-

---

<sup>18</sup> Al-Suyūṭī, *Nūr al-Lum’ah fi Khaṣā’iṣ Yawm al-Jumu’ah*, hal. 39.

<sup>19</sup> Ibid., hal. 7.

Suyūṭī dalam bidang hadith *mawdū’i*,<sup>20</sup> namun manhaj penulisan hadith secara *mawdū’i* oleh al-Suyūṭī masih belum diketahui. Hal ini kerana sehingga kajian ini ditulis, sebarang kajian bersifat akademik yang membincangkan perkara ini masih belum ditemui. Justeru, ia menjadi justifikasi yang jelas bahawa kajian terhadap manhaj penulisan hadith secara *mawdū’i* yang diaplikasi oleh al-Suyūṭī dalam karyanya masih belum diterokai oleh mana-mana kajian lain sebelum ini.

Berdasarkan permasalahan-permasalahan kajian yang dibincangkan di atas, kajian ini mendapati manhaj penulisan hadith secara *mawdū’i* oleh al-Suyūṭī dalam *al-Lum’ah fī Khaṣā’iṣ Yawm al-Jumu’ah* perlu dikaji untuk merungkai semua permasalahan di atas. Selain itu, isu ketokohan al-Suyūṭī dalam bidang hadith wajar diberikan perhatian, terutamanya melibatkan ketokohnya dalam aspek penulisan hadith secara *mawdū’i*. Hal ini kerana mengkaji gaya penulisan hadith yang diamalkan oleh seseorang tokoh boleh menjadi justifikasi bagi manhaj yang diaplikasikannya dalam penulisan sesebuah karya tersebut seterusnya mencerminkan ketokohnya dalam bidang hadith, terutamanya dalam aspek penulisan hadith secara *mawdū’i*.

---

<sup>20</sup> Terdapat beberapa lagi karya al-Suyūṭī yang menjurus ke arah penulisan secara tematik. Contohnya seperti *Aḥādīth al-Siyitā*, *Faq’ al-Wi‘ā’ fī Aḥādīth Raf’ al-Yadayn fī al-Du‘ā*, *al-Khabar al-Dāl ‘alā Wujūd al-Qutub wa al-Nujabā’ wa al-Awtād wa al-Abdāl*, *Juz’ fī Ṭuruq Ḥadīth: Uṭlubū al-Khayr ‘an ḥasan al-Wujūh* dan *Juz’ fī Ṭuruq Ḥadīth Talab al-‘Ilm Farīdah ‘alā Kull Muslim*. Walau bagaimanapun, sehingga kajian ini ditulis, belum ditemui lagi kajian-kajian khusus yang mengeluarkan manhaj beliau dalam penulisan secara *mawdū’i* daripada karya-karya tersebut.

## **1.4 Persoalan Kajian**

Sehubungan dengan itu, kajian ini menggariskan beberapa persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah konsep penulisan hadith secara *mawdū’ī*?
2. Sejauh manakah ketokohan al-Suyūtī dalam penulisan hadith secara *mawdū’ī*?
3. Bagaimanakah manhaj al-Suyūtī dalam penulisan hadith secara *mawdū’ī* dalam karya *al-Lum’ah fī Khaṣā’iṣ Yawm al-Jumu’ah*?

## **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:

1. Mengenal pasti konsep penulisan hadith secara *mawdū’ī*.
2. Mengkaji ketokohan al-Suyūtī dalam penulisan hadith secara *mawdū’ī*.
3. Menganalisis manhaj al-Suyūtī dalam penulisan hadith secara *mawdū’ī* dalam karya *al-Lum’ah fī Khaṣā’iṣ Yawm al-Jumu’ah*.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian manhaj al-Suyūtī dalam penulisan secara *mawdū’ī* sangat relevan untuk dijalankan khususnya melalui penelitian terhadap karya *al-Lum’ah fī Khaṣā’iṣ Yawm al-Jumu’ah* ini kerana:

- i. Kajian ini dapat memberi gambaran dalam memperincikan manhaj ulama dalam menulis hadith *mawdū’ī*. Penekanan terhadap sumber dan status hadith

sewajarnya diberikan keutamaan berbanding hanya sekadar menyenaraikan riwayat yang pelbagai tanpa menyatakan statusnya.

- ii. Kajian ini dijangka dapat menjana impak yang besar dalam penulisan hadith secara *mawdū’ī*. Keperluan untuk memperkasa skop penulisan hadith *mawdū’ī* dengan meletakkan batas perbahasan terhenti pada hadith yang *maqbūl* dalam perkara akidah dan ibadah serta disokong dengan hadith *da’if* yang dibenarkan pengamalannya oleh ulama dalam perkara *fadā’il a’māl* sahaja, sekaligus mengetepikan hadith yang terlalu *da’if* dan palsu dalam skop penulisannya.
- iii. Kerangka manhaj penulisan hadith secara *mawdū’ī* oleh al-Suyūtī yang dapat dibina melalui penelitian terhadap karya ini dijangka dapat mengukuhkan kerangka kajian hadith *mawdū’ī* yang dikemukakan dalam kajian-kajian hadith kontemporari.
- iv. Hasil kajian dapat memberi pencerahan mengenai ketokohan al-Suyūtī dalam kajian yang berkaitan dengan hadith *mawdū’ī*.
- v. Kajian ini juga dapat memberi sumbangan dalam memperkenalkan karya *al-Lum’ah fī Khaṣā’iṣ Yawm al-Jumu’ah* kepada masyarakat awam sebagai sebuah rujukan yang lengkap mengenai ciri-ciri istimewa hari Jumaat.
- vi. Kajian ini juga dapat membantu mempertingkatkan kesedaran kepada masyarakat umum tentang kepentingan mengetahui disiplin ilmu hadith *mawdū’ī* untuk mendapatkan pandangan yang holistik terhadap tema yang dibincangkan khususnya berkaitan hadith-hadith *khaṣā’iṣ yawm al-jumu’ah*.

## 1.7 Skop dan Batasan Kajian

Tajuk kajian ini ialah “Manhaj Penulisan Hadith Secara *Mawdū’ī* oleh al-Suyūtī dalam *al-Lum’ah fī Khaṣā’is Yawm al-Jumu‘ah*.” Kajian ini menetapkan skop dan batasan kajian untuk memastikan kajian ini menjadi lebih terarah dalam mencapai objektifnya berdasarkan justifikasi tertentu. Kajian ini telah memilih hadith *mawdū’ī* dan beberapa istilah baharu yang berkaitan seperti *taṣnīf al-mawdū’ī*, *dirārah mawdū’iyah min al-hadīth* dan *syarḥ mawdū’ī li al-hadīth* sebagai subjek kajian. Dalam usaha mengemukakan satu kerangka manhaj penulisan hadith secara *mawdū’ī* yang berpaksikan pengaplikasiannya oleh ulama hadith dalam karya mereka, maka kajian ini telah memilih karya *al-Lum’ah fī Khaṣā’is Yawm al-Jumu‘ah* oleh al-Suyūtī sebagai subjek kajian. Karya ini dipilih kerana diperakui sebagai hasil penulisan paling lengkap yang menghimpunkan hadith-hadith berkaitan ciri-ciri istimewa hari Jumaat. Kajian ini menggunakan naskhah terbitan Dar Ibn al-Qayyim kerana merupakan cetakan terkini berbanding catakan lain yang tidak bertarikh. Kemudian, gabungan kerangka hadith *mawdū’ī* yang dibangunkan oleh sarjana hadith kontemporari dalam kajian-kajian mereka dijadikan landasan teori bagi mencapai matlamat tersebut.

Selain itu, fokus kajian turut diberikan kepada ketokohan al-Suyūtī dalam bidang hadith *mawdū’ī*. Al-Suyūtī telah dipilih sebagai subjek kajian kerana merupakan antara tokoh besar dalam mazhab al-Syāfi’ī yang memiliki pengetahuan luas dalam bidang hadith sehingga digelar sebagai *al-Hāfiẓ* dan hasil penulisannya menjadi rujukan masyarakat termasuklah di alam Melayu. Justeru ketokohan beliau, maka tumpuan kajian diberikan kepada manhaj penulisan hadith secara *mawdū’ī* yang diaplikasi olehnya dalam karya *al-Lum’ah fī Khaṣā’is Yawm al-Jumu‘ah*.

## 1.8 Definisi Konseptual dan Operasional Istilah

Frasa penulisan hadith secara *mawdū’ī* dalam tajuk kajian ini merupakan asas penting bagi penyelidikan yang dijalankan. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menjelaskan frasa ini secara konseptual dan operasional supaya interpretasi yang jelas terhadap kajian ini dapat diwujudkan.

Istilah penulisan bermaksud pencatatan dan penyalinan. Ia berasal daripada kata akar tulis yang bermaksud catat, coret, salin dan karang.<sup>21</sup> Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, penulisan ialah perihal atau kegiatan menulis, mengarang dan lain-lain. Ia juga merujuk kepada hasil daripada aktiviti menulis dan mengarang yang dijalankan.<sup>22</sup> Menurut al-Syawkānī (w.1255H) pula, penulisan merupakan satu nama bagi perbuatan menghimpunkan dan mencantumkan huruf-huruf dan perkataan-perkataan yang tertulis antara satu sama lain.<sup>23</sup> Dalam bahasa Arab, penulisan dapat diterjemahkan sebagai *al-taṣnīf*. Menurut al-Munāwī (w.1031H), *taṣnīf* bermaksud penyusunan dan pembahagian sesebuah penulisan kepada beberapa fasal tertentu dan bab-bab yang berasingan.<sup>24</sup> *Taṣnīf* dalam sunnah pula bermaksud himpunan teks ilmiah mengenai satu tajuk tertentu yang berkaitan dengan sunnah dengan cara membuat perkaitan yang sesuai antara perkataan-perkataan yang terdapat di dalamnya.<sup>25</sup> Berdasarkan kesemua pandangan ini, maka kajian ini dapat merumuskan bahawa *taṣnīf* berkaitan hadith ialah satu bentuk penulisan dan penyusunan hadith-

---

<sup>21</sup> Zainal Abidin Safarwan (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, hal. 2107.

<sup>22</sup> Noresah Baharom et al. (2007), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Keempat, hal. 4618.

<sup>23</sup> Muḥammad bin ‘Alī al-Syawkānī (1992), *Nayl al-Awṭār Syarḥ Muntaqā al-Akhbār*, ed. ‘Iṣām al-Dīn al-Šabābaṭī et al., Kaherah; Dar al-Hadith, jil. 1, hal. 27.

<sup>24</sup> Al-Munāwī (1990), *al-Tawqīf ‘alā Muhimmāt al-Ta‘ārif*, ed. ‘Abd al-Ḥamīd Ṣalīḥ Ḥamdān, Kaherah: ‘Alam al-Kutub, hal. 98.

<sup>25</sup> Sayyid ‘Abd al-Mājid al-Ghawrī (2007), *Mu‘jam al-Muṣṭalahāt al-Hadīhiyyah*, Beirut: Dar Ibn Kathir, hal. 245.

hadith dalam satu karya tertentu berdasarkan tema-tema tertentu yang telah ditetapkan oleh penyusunnya.

Istilah hadith merupakan kata nama yang berasal dari perkataan *al-tahdīth*.<sup>26</sup>

Dari sudut bahasa, ia bermaksud suatu perkhabaran,<sup>27</sup> sama ada sedikit ataupun banyak.<sup>28</sup> Dari sudut istilah pula, hadith merujuk kepada segala perkara yang disandarkan kepada Nabi SAW sama ada berbentuk perkataan, berbuatan, perakuan, sifat fizikal, sifat perilaku atau perkara yang disandarkan kepada sahabat RA dan *tābi‘īn*.<sup>29</sup>

Istilah *mawdū‘ī* ialah kata sifat yang dinisbahkan kepada perkataan *mawdū‘*. Menurut al-Tahānawī (w.1158H), perkataan *al-mawdū‘* bermaksud subjek pelajaran atau dengan makna lain, masalah-masalah yang bersekutu dan berkaitan dengan sesuatu perkara atau beberapa perkara yang mempunyai perkaitan atau sesuatu perkara yang menjadi objek yang menjadi dalil kepada sesuatu makna.<sup>30</sup>

Berdasarkan ketiga-tiga istilah di atas, maka dapatlah disimpulkan bahawa penulisan hadith secara *mawdū‘ī* merujuk kepada aktiviti penyusunan hadith-hadith berkaitan satu tema tertentu untuk menghasilkan idea-idea berkaitan tema kajian secara holistik berteraskan hadith dalam satu bentuk penulisan.

---

<sup>26</sup> Ayyūb bin Mūsā al-Ḥusainī al-Kūfī (1998), *al-Kulliyāt Mu‘jam fī al-Muṣṭalahāt wa al-Furūq al-Lughawiyyah*, ed. ‘Adnān Darwisy, Beirut: Muassasah al-Risalah, hal. 370.

<sup>27</sup> ‘Abdullah bin Muhammad bin al-Siddiq al-Ghumari (2008), *Tawjīh al-‘Ināyah li Ta‘rīf ‘Ilm al-Hadīth Riwayah wa Dirāyah*, ed. Safwat Jawdah Ahmad, Kaherah: Maktabah al-Qahirah, hal. 5.

<sup>28</sup> Muḥammad ‘Ajjāj al-Khaṭīb, *Uṣūl al-Hadīth ‘Ulūmuhu wa Muṣṭalahuhu*, hal. 20.

<sup>29</sup> Nūr al-Dīn ‘Itr (1979), *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Hadīth*, Dimasyq: Dar al-Fikr, hal. 27.

<sup>30</sup> Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Tahānawī (1996), *Mawsū‘ah Kasysyāf Iṣtilāhāt al-Funūn wa al-‘Ulūm*, ed. ‘Alī Daḥrūj, Lubnan: Maktabah Lubnan Nasyirun, jil. 2, hal. 1670.

Secara konseptual, penulisan hadith secara *mawdū’ī* boleh dilakukan ke atas salah satu daripada mana-mana tema utama dalam agama, iaitu akidah, hukum hakam, kehambaan, adab, tafsir, sirah, *fitan* dan *manāqib*.<sup>31</sup> Selain daripada lapan tema di atas, terdapat juga karya-karya hadith yang ditulis secara *mawdū’ī* dengan satu tema yang lebih besar hasil daripada gabungan tema-tema tersebut. Sebagai contoh, karya *al-Lum’ah fī Khaṣā’iṣ Yawm al-Jumu’ah* karangan al-Suyūṭī boleh diklasifikasikan dalam kategori ini kerana menggabungkan penulisan hadith yang bertemakan akidah, hukum hakam, tafsir, adab, akhlak, sejarah dan fitnah akhir zaman di dalamnya. Oleh itu, kajian ini secara operasionalnya mengkaji manhaj penulisan hadith secara *mawdū’ī* yang diaplikasikan oleh al-Suyūṭī dalam karya *al-Lum’ah fī Khaṣā’iṣ Yawm al-Jumu’ah*.

## 1.9 Kajian Terdahulu

Kajian ini menjurus kepada mengenal pasti manhaj penulisan hadith-hadith *khaṣā’iṣ yawm jumu’ah* menurut al-Suyūṭī. Justeru, kata kunci bagi pencarian hasil kajian terdahulu ini terletak pada beberapa tema seperti; hadith *mawdū’ī*, manhaj al-Suyūṭī dan *khaṣā’iṣ yawm al-jumu’ah* itu sendiri. Melalui tinjauan dan penelitian yang telah dijalankan, kajian ini mendapati bahawa banyak kajian telah dilakukan pada peringkat sarjana muda, sarjana mahupun pada peringkat ijazah kedoktoran, sama ada di universiti dalam dan luar negara berkenaan hadith *mawdū’ī* dan al-Suyūṭī. Kesemua kajian ini disusun berdasarkan tarikh penerbitannya supaya kesinambungan dan

---

<sup>31</sup> Al-Sayyid Ṣiddīq Ḥasan Khān al-Qinnawjī (t.t), *al-Hiṭṭah fī Dhikr al-Ṣīḥhāt al-Sittah*, ed. ‘Ali Ḥasan al-Ḥalabī, Beirut: Dar al-Jil, hal. 118.

kelompongan kajian dapat dilihat dengan jelas melalui pengaplikasian metode perbandingan.

### 1.9.1 Kajian Berkaitan Hadith *Mawdū'i*

Kajian terawal yang ditemui membincangkan hadith *mawdū'i* adalah sebuah artikel berjudul *al-Hadīth al-Mawdū'i Dirāsah Naẓariyyah* tulisan Ramaḍān Ishāq al-Zayyān yang diterbitkan dalam jurnal *Majallah al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah* pada tahun 2002.<sup>32</sup> Artikel ini menjelaskan tentang kepentingan kajian berbentuk tematik dan memperincikan penggunaan istilah hadith *mawdū'i* yang masih belum ditetapkan maknanya secara khusus. Al-Zayyān juga merungkai permasalahan keluasan perbahasan hadith *mawdū'i* yang belum ditetapkan sempadannya sama ada sebagai salah satu cabang ilmu hadith atau cabang ilmu yang lain. Melalui artikel ini juga, al-Zayyān membincangkan tentang beberapa manhaj yang diaplikasi ulama dalam menulis hadith *mawdū'i*. Kesimpulannya, al-Zayyān telah menggariskan tiga manhaj ulama dalam penulisan hadith secara *mawdū'i* seperti berikut:

- i. Mengumpulkan hadith-hadith berkaitan subjek kajian melalui cara penelitian.
- ii. Mengumpulkan hadith-hadith berkaitan subjek kajian melalui sumber karya-karya hadith sahaja.
- iii. Memberi ulasan bagi tajuk tertentu berdasarkan himpunan riwayat-riwayat bagi sesebuah hadith yang menjadi tema kajian.

Namun, al-Zayyān menjelaskan bahawa kerangka kajian hadith *mawdū'i* yang cuba dibangunkan olehnya ini adalah bersifat *ijtihādī*. Hal ini memberi gambaran

---

<sup>32</sup> Ramaḍān Ishāq al-Zayyān, *al-Hadīth al-Mawdū'i Dirāsah Naẓariyyah*, hal. 207-248.

bahawa kerangka yang dibangunkan ini tidak didahului dan diperkuuhkan dengan kajian-kajian terhadap manhaj ulama hadith berkaitan penulisan hadith secara *mawdū’ī* dalam karya mereka. Justeru, kelompongan kajian dilihat wujud berkaitan isu ini.

Pada tahun yang sama, seorang pengkaji bernama Ahmād ‘Uthmān Rahmānī cuba membangunkan kerangka hadith *mawdū’ī* dalam kajiannya yang bertajuk *al-Hadīth al-Mawdū’ātī Manhajuhu wa Namūdhaj Taṭbiqī fī Dawr Thunā’ihī al-Hub wa al-Baghād fī Tasykīl al-‘Alāqāt al-Ijtīmā’iyyah* yang diterbitkan dalam *Majallah al-Iḥyā’*.<sup>33</sup> Menurut beliau, manhaj hadith *mawdū’ī* ini sangat sesuai untuk digunakan untuk mengetahui *maqāṣid* hadith dan isu-isu berkaitannya, sama ada berbentuk idea-idea yang terkandung dalam hadith atau hukum hakam fiqh yang dikeluarkan daripadanya atau kemukjizatan tema yang dikandung oleh hadith tersebut. Artikel ini menjelaskan tentang kaedah-kaedah penyelidikan terbaik menggunakan manhaj kajian hadith *mawdū’ī* yang cuba dibangunkan berdasarkan pandangan para ulama. Hal ini bermaksud, kajian pembinaan kerangka hadith *mawdū’ī* yang cuba diusahakan oleh Ahmād ‘Uthmān Rahmānī juga adalah bersifat *ijtihādī*. Justeru, Ahmād ‘Uthmān Rahmānī memulakan kajiannya dengan menjelaskan definisi hadith *mawdū’ī* dan kerangka asas kajian yang ingin beliau bangunkan. Kemudian, beliau mengemukakan tujuh langkah kajian yang dibangunkannya berdasarkan lapan asas memahami hadith secara tepat sebagaimana yang digariskan oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī dalam *Kayf Nata ‘āmal ma ‘a al-Sunnah al-Nabawiyyah Ma ‘ālim wa Ḏawābiṭ*. Artikel ini disudahi dengan satu kajian kes (amali) hadith *mawdū’ī* bertajuk *Dawr Thunā’iyyah al-Hubb*.

---

<sup>33</sup> Ahmād ‘Uthmān Rahmānī (2002), *al-Ḥadīth al-Mawdū’ātī Manhajuhu wa Namūdhaj Taṭbiqī fī Dawr Thunā’ihī al-Hub wa al-Baghād fī Tasykīl al-‘Alāqāt al-Ijtīmā’iyyah*, *Majallah al-Iḥyā’*, Vol. 4(1), hal. 67-114.

*wa al-Bughd fī Tasyakbal Syabakah al-‘Alāqāt al-Ijtīmā‘iyyah min Khilāl al-Hadīth al-Nabawī al-Syarīf*. Hal ini memberi gambaran bahawa kajian yang dilakukan bukanlah berdasarkan pengaplikasiannya oleh tokoh tertentu dalam karya mereka, sebaliknya hanya berdasarkan garis panduan daripada tokoh tertentu sahaja.

Selain itu, kajian hadith *mawdū‘ī* oleh Aḥmad ‘Uthmān Rahmānī ini didapati tidak bermula dengan teks hadith sebagaimana yang digagaskan oleh al-Zayyān, sebaliknya dimulakan dengan perbahasan subjek kajian. Hadith-hadith *mawdū‘ī* hanya dinukilkan untuk menyokong idea perbahasan. Oleh kerana terdapat ketidak seragaman pendekatan persempahanan kajian yang dikemukakan oleh Aḥmad ‘Uthmān Rahmānī berbanding kajian-kajian hadith *mawdū‘ī* lain yang telah diteliti, maka satu penyelidikan lanjut perlu dijalankan untuk mengenal pasti pendekatan sebenar kajian hadith *mawdū‘ī* dengan cara menjadikan pengaplikasiannya oleh ulama hadith dalam karya mereka sebagai rujukan.

Selain itu, kajian ini juga menemukan sebuah kajian oleh Sālim Aḥmad Salāmah bertajuk *al-Hadīth al-Mawdū‘ī* terbitan al-Jami‘ah al-Islamiyyah, Gaza pada tahun 2006.<sup>34</sup> Tinjauan mendapati bahwa Sālim Aḥmad Salāmah membina kajian ini berdasarkan artikel al-Zayyān yang dikembangkan dengan lebih mendalam sehingga dipersembahkan dalam bentuk sebuah karya. Dalam pembinaan kerangka kajian ini, Sālim Aḥmad Salāmah memulakan kajian dengan mengemukakan definisi baru bagi hadith *mawdū‘ī* yang diringkaskan daripada definisi yang dikemukakan oleh al-Zayyān. Kemudian, Sālim Aḥmad Salāmah juga menjelaskan proses perkembangan yang berlaku terhadap hadith *mawdū‘ī* semenjak awal kemunculannya sehingga ke

---

<sup>34</sup> Sālim Aḥmad Salāmah (2006). *al-Hadīth al-Mawdū‘ī*. Gaza: al-Jami‘ah al-Islamiyyah.

zaman ini. Seterusnya, beliau menjelaskan perbezaan antara hadith *mawdū’ī* dan penulisan berdasarkan pembahagian tema tertentu yang dinamakan sebagai *al-taqṣīm al-mawdū’ī*. Sālim Aḥmad Salāmah juga mengemukakan tiga konsep kajian hadith *mawdū’ī*, iaitu kajian tematik terhadap himpunan hadith berdasarkan sumber tidak tertentu, kajian tematik terhadap himpunan hadith berdasarkan sumber tertentu dan kajian tematik terhadap satu hadith yang memiliki jalur periwayatan yang pelbagai. Kajian ini ditutup dengan beberapa kajian kes (amali) terhadap hadith-hadith dalam tema-tema tertentu. Oleh kerana konsep kajian hadith *mawdū’ī* pertama kali diperkenalkan oleh Sālim Aḥmad Salāmah melalui kajian ini, maka kajian lanjut dilihat perlu dilakukan untuk mengenal pasti, mengemas kini dan menyeragamkan kesemua konsep hadith *mawdū’ī* yang dinyatakan dalam kajian-kajian hadith *mawdū’ī* kontemporari yang lain.

Selain itu, sebuah penulisan pada peringkat ijazah doktor falsafah bertajuk *al-Hadīth al-Mawdū’ī Dirāsah Ta’ṣīliyyah Taṭbiqiyah* tulisan Khālid Muḥammad Maḥmūd al-Syarmān pada tahun 2009 turut ditemui. Al-Syarmān memulakan kajiannya dengan menjelaskan kerangka asas kajian hadith *mawdū’ī* seperti definisi, kepentingan, perkembangan, manhaj penulisan, ilmu-ilmu lain yang mesti diketahui berkaitan dengannya. Al-Syarmān juga meyenaraikan tiga manhaj penulisan hadith *mawdū’ī* yang sama sebagaimana yang telah disenaraikan oleh al-Zayyān. Dalam kajian ini, al-Syarmān mengemukakan kajiannya dalam tiga bab utama. Bab pertama membincangkan tentang usaha para ulama dalam mengkaji hadith secara *mawdū’ī*. Dalam bab ini, terdapat beberapa bab kecil yang memperincikan tentang usaha ulama *mutaqaddimīn* dan *muta’akhhirīn* berkaitan hadith *mawdū’ī*. Bab kedua pula membahaskan tentang ilmu-ilmu lain yang mesti diketahui berkaitan hadith *mawdū’ī*, metedologi dan perkembangannya. Bab ketiga pula mengemukakan satu kajian kes

(amali) bertajuk manhaj Nabi SAW dalam memperbetul lafaz dan kefahaman. Kajian kes (amali) ini turut dikemukakan sebagai satu kolerasi antara ilmu teori dan amali. Namun, tinjauan mendapati kajian amali yang diusahakan tidak melibatkan hadith-hadith yang dikumpulkan oleh tokoh hadith dalam sebuah karya hadith *mawdū‘i* secara spesifik. Justeru, kelompongan kajian dilihat belum diisi dan disempurnakan. Dalam masa yang sama, oleh kerana dapatan kajian al-Syarmān dalam tesis ini hanya mengabsahkan dapatan kajian al-Zayyān, maka kajian lanjut masih diperlukan.

Selain itu, pada tahun 2011 Su‘ād Bītāṭ menulis sebuah artikel bertajuk *al-Hadīth al-Mawdū‘i Manhaj Jadīd fī Syarḥ al-Āḥādīth al-Nabawiyah al-Syarīfah* yang diterbitkan dalam Majallah Jāmi‘ah al-Amīr ‘Abd al-Qādir li al-‘Ulūm al-Islāmiyyah.<sup>35</sup> Tinjauan mendapati Su‘ād Bītāṭ membina kerangka kajian dengan mengemukakan definisi terhadap hadith *mawdū‘i*, konsep-konsep dan langkah-langkah kajian serta karya-karya rujukan yang boleh digunakan untuk membuat kajian hadith *mawdū‘i*. Tinjauan juga mendapati Su‘ād Bītāṭ mengemukakan tiga konsep kajian hadith *mawdū‘i*, iaitu kajian tematik terhadap himpunan hadith berdasarkan sumber tidak tertentu, kajian tematik terhadap satu hadith yang memiliki jalur periwatan yang pelbagai dan kajian tematik terhadap istilah Nabawi tertentu. Berdasarkan kerangka kajian yang dibangunkan ini, Su‘ād Bītāṭ mengemukakan satu lagi kajian kes (amali) bertajuk *al-Amn fī al-Hadīth al-Mawdū‘i* terbitan Markaz al-Kitab al-Akadimi, ‘Amman Jordan pada tahun 2016.<sup>36</sup> Namun, tinjauan mendapati bahawa beliau mengemukakan dua definisi hadith *mawdū‘i* yang berbeza pada bahagian mukadimah dalam kedua-dua kajian ini. Selain itu, konsep ketiga yang

---

<sup>35</sup> Su‘ād Bītāṭ (2011). *al-Ḥadīth al-Mawdū‘i Manhaj Jadīd fī Syarḥ al-Āḥādīth al-Nabawiyah al-Syarīfah*. Majallah Jāmi‘ah al-Amīr ‘Abd al-Qādir li al-‘Ulūm al-Islāmiyyah, 26(1), hal. 167-176.

<sup>36</sup> Su‘ād Bītāṭ (2016). *al-Amn fī al-Hadīth al-Mawdū‘i*. ‘Amman: Markaz al-Kitab al-Akadimi.

diperkenalkan, iaitu kajian tematik terhadap istilah Nabawi tertentu merupakan konsep yang tidak disebutkan oleh majoriti sarjana hadith kontemporari, kecuali oleh Haifā' ‘Abd al-‘Azīz al-Asyrafi. Justeru, hal ini menjadikannya satu isu baharu yang memerlukan penelitian lanjut. Oleh kerana terdapat kepelbagaiannya pendapat dalam menetapkan konsep hadith *mawdū’i*, maka ia menjadi satu justifikasi yang jelas tentang keperluan membuat kajian terhadap kerangka teori ini agar kesemua pandangan ini dapat disenergikan antara satu sama lain untuk membentuk satu kerangka kajian hadith *mawdū’i* kontemporari yang bersifat holistik.

Selain itu, pada tahun 2014 Ṭālib Ḥammād Abū Sya‘r menulis satu karya bertajuk *Dirāsāt fī al-Hadīth al-Mawdū’i* terbitan al-Maktabah al-Markaziyyah, Gaza pada tahun 2014.<sup>37</sup> Dalam karya ini, Ṭālib Ḥammād Abū Sya‘r menerangkan tentang masalah yang dihadapi dalam membina kerangka kajian hadith *mawdū’i* kerana ketika kajian tersebut ditulis, manhaj kajian hadith *mawdū’i* dilihat masih belum jelas dari sudut proses perkembangannya dan keperluan semasa terhadapnya. Dalam masa yang sama, tiada kajian pembezaan dibuat antara istilah hadith *mawdū’i* dengan *al-taṣnīf al-mawdū’i*. Selain itu, campur aduk dilihat berlaku antara kajian berbentuk tematik (*al-dirāsah al-mawdū’iyyah*) dengan kajian berbentuk analisis (*al-dirāsah al-taḥlīliyyah*) terhadap hadith. Berdasarkan faktor-faktor tersebut, maka Ṭālib Ḥammād Abū Sya‘r cuba mengemukakan kerangka kajian hadith *mawdū’i* berdasarkan pengamatannya sendiri terhadap makna bagi istilah tersebut. Dalam penerokaan tersebut, Ṭālib Ḥammād Abū Sya‘r membahagikan kajian hadith *mawdū’i* kepada dua konsep sahaja, iaitu kajian berteraskan keseluruhan riwayat bagi sesebuah hadith dan

---

<sup>37</sup> Ṭālib Ḥammād Abū Sya‘r (2014), *Dirāsāt fī al-Hadīth al-Mawdū’i*, Gaza: al-Maktabah al-Markaziyyah.

kajian berteraskan tema tertentu yang terdapat dalam hadith. Namun, jumlah pembahagian konsep kajian hadith *mawdū’ī* ini dilihat berbeza dengan jumlah pembahagian konsep yang dikemukakan dalam kajian-kajian hadith kontemporari terdahulu.

Selain itu, kajian ini juga menemukan sebuah penulisan oleh Ḥamzah ‘Abdullāh al-Malyabārī bertajuk *Dirāsāt Taṭbiqiyah fī al-Hadīth al-Mawdū’ī* terbitan Kulliyyah al-Dirasat al-Islamiyyah wa al-‘Arabiyyah, Dubai pada tahun 2014.<sup>38</sup> Tinjauan terhadap kajian ini mendapati bahawa al-Malyabārī merupakan satu-satunya tokoh hadith kontemporari yang tidak menyatakan definisi hadith *mawdū’ī* secara jelas. Namun, beliau berpandangan bahawa hadith yang disyarahkan secara tematik atau syarahan secara tematik bagi sesebuah hadith ataupun usaha untuk mensyarahkan sesebuah hadith secara syarahan tematik merupakan konsep yang menjurus kepada makna hadith *mawdū’ī*. Tinjauan juga mendapati bahawa al-Malyabārī memperkenalkan hadith *mawdū’ī* dengan satu konsep sahaja, iaitu kajian terhadap himpunan hadith berdasarkan sumber tidak tertentu. Dapatkan ini dilihat berbeza sama sekali dengan dapatan dalam kajian-kajian terdahulu yang telah dinyatakan di atas. Hal ini menguatkan lagi keperluan menilai semula kesemua kerangka teoretikal hadith *mawdū’ī* yang telah dikemukakan.

Kajian terakhir berkaitan hadith *mawdū’ī* yang ditemui ialah *Madkhal li al-Dirāsah al-Hādīth al-Mawdū’ī* oleh Muḥammad bin ‘Abdullāh al-Qannāṣ terbitan Dar al-Sumai‘i, Riyadh pada tahun 2017.<sup>39</sup> Dalam kajian al-Qannāṣ, definisi hadith

---

<sup>38</sup> Ḥamzah ‘Abdullāh al-Malyabārī (2014), *Dirāsāt Taṭbiqiyah fī al-Hadīth al-Mawdū’ī*, Dubai: Kulliyyah al-Dirasat al-Islamiyyah wa al-‘Arabiyyah.

<sup>39</sup> Muḥammad bin ‘Abdullāh al-Qannāṣ (2017), *Madkhal li al-Dirāsah al-Hādīth al-Mawdū’ī*, Riyadh: Dar al-Sumai‘i.

*mawdū’i*, kemunculannya, perkembangannya, kepentingannya dan konsep-konsepnya diberikan penerangan. Tinjauan awal mendapati bahawa al-Qannāṣ membahagikan hadith *mawdū’i* kepada tiga konsep, iaitu kajian tematik terhadap himpunan hadith berdasarkan sumber tidak tertentu, kajian tematik terhadap himpunan hadith berdasarkan sumber tertentu dan kajian tematik terhadap satu hadith yang memiliki jalur periwayatan yang pelbagai. Kemudian, al-Qannāṣ mengemukakan tiga contoh kajian hadith *mawdū’i* yang dijalankan olehnya dengan tajuk *Murā’āh Jalb al-Maṣāliḥ wa Daf’ al-Mafāsid fī al-Sunnah Dirāsah min Khilāl al-Isṭinbāt fī Fath al-Bārī*, *al-Du’ā Ādābuḥ wa Jawāmi’uh fī al-Sunnah al-Nabawiyyah* dan *Hadīth al-Sunnah ‘an al-Qur’ān: Faḍā’il wa Aḥkām wa Ādāb*.

Tinjauan mendapati kajian pertama dijalankan oleh al-Qannāṣ adalah berdasarkan pengaplikasiannya oleh ulama hadith yang meletakkan teks hadith pada awal perbahasan, lalu disokong dengan idea-idea perbahasan yang diolah daripada pandangan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī dalam *Fath al-Bārī*. Kajian kedua pula didapati dijalankan berdasarkan pendekatan kontemporari. Perbahasan yang dijalankan adalah berdasarkan idea-idea penyelidik sendiri, lalu didatangkan sokongan daripada hadith dan elemen-elemen lain. Kajian ketiga pula atas dijalankan berdasarkan praktikaliti ulama hadith. Teks hadith diletakkan pada awal perbahasan dan diikuti dengan syarahan daripada penyelidik berdasarkan ulasan para ulama terhadap hadith tersebut. Ketiga-tiga kajian kes (amali) ini dikemukakan oleh al-Qannāṣ sebagai *ijtihādnya* untuk membina satu model kajian hadith *mawdū’i* menurut perspektifnya sendiri. Walaupun begitu, kerangka kajian yang cuba dibangunkan ini dilihat tidak lengkap kerana beliau tidak menjelaskan langkah-langkah kajian sebagaimana yang dilakukan oleh al-Zayyān, al-Syarmān dan lain-lain.